

27 APR 2002

Ong-Perdamaian

PELAN PEDAMAIAN PM PERLU DIPATUHI, KATA ONG TEE KEAT

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat hari berkata sebarang tindakan untuk meminda undang-undang kecil atau Perlembagaan parti itu adalah bertentangan dengan pelan perdamaian yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sejak Perdana Menteri mengemukakan pelan itu selaku pengerusi Barisan Nasional (BN), telah timbulnya perbincangan dan perbincangan dalam parti mengenainya, kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

Semalam, Jawatankuasa Khas Anggota Pemuda MCA Kebangsaan mengumumkan puak yang bertelagah sudah setuju meminda undang-undang kecil Pemuda MCA supaya membolehkan pemimpin-pemimpin yang melebihi had umur 45 dapat mengekalkan kedudukan mereka sehingga tahun 2005.

Ong yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkata: "Sebenarnya cadangan ini belum mencapai sebarang kata sepakat, ada pemimpin yang memaklumkan pada saya bahawa mereka tidak setuju dengan cadangan ini."

Ong berkata ada pihak tertentu cuba mengabui mata anggota MCA sehingga timbul dakwaan pelan perdamaian tajaan Perdana Menteri sebagai campur tangan Umno dalam hal ehwal MCA.

"Bila kita dah minta sesuatu nasihat daripada pihak atasan atau pucuk pimpinan kita, takkanlah kita tidak akur apabila kita dapat nasihat, kita pula mempertikaikannya," katanya.

Ong berkata pandangan sedemikian bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran.

Beliau berkata perbuatan cuba mengabui ahli di akar umbi atau masyarakat umum bahawa Umno campur tangan dalam hal ehwal MCA amat berbahaya.

Katanya pelan perdamaian itu perlu dipatuhi demi perpaduan MCA.

-- BERNAMA

TBK ZS PR